



ma pemimpin setempat meninjau hasil tuaian udang Bersepdu, Setiu, baru-baru ini.

216 kolam udang bakal beroperasi

SETIU 20 Mac - Sebanyak 216 kolam ternakan di bawah fasa pertama projek Taman Akuakultur Udang Bersepdu (iSHARP) di sini bakal beroperasi sepenuhnya tahun ini dengan anggaran pengeluaran sebanyak 2,100 tan metrik udang setahun.

Sehingga kini, melalui projek ber-impak tinggi yang dibangunkan oleh Blue Archipelago Berhad itu, sejumlah 48 kolam berjaya mengeluarkan hasil dan 108 orang diambil bekerja.

Ketua Pegawai Eksekutif syarikat itu, Abu Bakar Ibrahim memberitahu, mengikut perancangan, melalui fasa kedua tahun depan,

pihaknya akan membangunkan 400 lagi kolam ternakan di tapak seluas 1,000 hektar tersebut.

"Apabila siap sepenuhnya, kapasiti pengeluaran dijangka mencecah sebanyak 3,920 tan metrik setiap tahun dengan nilai pasaran dianggarkan sekitar RM78 juta," katanya kepada pemberita di sini baru-baru ini.

Ia sempena lawatan Menteri Besar, Datuk Seri Ahmad Said ke tapak projek itu bagi meninjau perkembangannya.

Kerajaan negeri meluluskan pembangunan iSHARP merangkumi kawasan Kampung Nyatoh hingga Kam-

pung Banggol bagi menjana industri akuakultur dan melonjakkan ekonomi setempat di samping memajukan jenama udang Malaysia di pasaran antarabangsa melalui kaedah inovatif.

Projek menelan pelaburan lebih RM180 juta ini yang mula digerakkan dua tahun lalu oleh anak syarikat Khazanah Nasional Berhad itu pada awalnya menjadi isu politik termasuk dikaitkan dengan masalah alam sekitar.

Menurut Abu Bakar, projek dalam dua fasa itu yang bakal meletakkan Terengganu sebagai pengeluar udang putih terbesar di

negara ini, merangkumi komponen bersepadu termasuk pusat pembenihan dan kilang pemprosesan.

"Kedua-dua fasa ini akan memberi wujudkan tidak kurang daripada 700 peluang pekerjaan di peringkat separuh mahir, terlatih dan pengurusan dengan keutamaan kepada rakyat negeri ini," katanya.

Menurutnya, dengan kemampuan kapasiti 15 tan metrik sehari, kilang pemprosesan udang yang akan dibina pada 2013 berupaya menembusi pasaran premium seperti Eropah, Jepun, Amerika Syarikat dan Asia Barat.